

## **KAJIAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN LESTARI DI JELEBU, NEGERI SEMBILAN**

**Shawal Sahid Hamid @ Hussain**

shawalhussain@uitm.edu.my  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Article History:**

*Received: 7 July 2021*

*Accepted: 14 October 2021*

*Published: 26 October 2021*

### **ABSTRAK**

Pusat pelancongan di Negeri Sembilan adalah salah satu pusat pelancongan yang terbaik dan Jelebu merupakan salah satu daerah di dalam Negeri Sembilan yang kaya dengan produk pelancongan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pembangunan pelancongan lestari di Jelebu Negeri Sembilan. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah. Jumlah bilangan responden di dalam kajian ini adalah seramai 100 orang. Responden merupakan terdiri daripada pelancong dan peniaga yang berniaga di tempat pelancongan di daerah Jelebu Negeri Sembilan. Hasil kajian mendapati 100 % responden bersetuju bahawa indikator pembangunan intensif dan kemudahan yang disediakan di kawasan pelancongan lestari mencapai tahap petunjuk indikator yang terbaik. Manakala, indikator pembangunan secara terkawal mencatatkan skor peratusan yang rendah iaitu hanya 8 %. Oleh itu kajian lanjutan berkenaan tahap pembangunan yang tidak terkawal di Daerah Jelebu boleh dijalankan bagi melihat aspek penerokaan alam sekitar yang tidak terkawal di kawasan berkenaan.

**Kata kunci:** *pelancongan, lestari, pembangunan, komuniti, persekitaran*

### ***STUDY ON SUSTAINABLE TOURISM DEVELOPMENT IN JELEBU, NEGERI SEMBILAN***

#### **ABSTRACT**

*The tourism center in Negeri Sembilan is one of the best tourism and Jelebu is one of the districts in Negeri Sembilan that is rich in tourism products. This study aims to identify the development of sustainable tourism in Jelebu Negeri Sembilan. The sampling technique used is simple random sampling. The total number of respondents who have been taken for the purpose of this study is a total of 100 respondents. Respondents consisted of consumers who do business at tourist spots in the Jelebu district of Negeri Sembilan. The findings of the study found that 100% of the respondents who need indicators of intensive development and facilities provided in sustainable tourism areas achieve the best indicators. Meanwhile, the indicator of controlled development recorded a low percentage score of only 8%. Therefore, further studies related to uncontrolled development in Jelebu District can be conducted to see the aspects of uncontrolled environmental exploration in the area.*

**Keywords:** *tourism, sustainable, development, community, environment*

## **PENGENALAN**

Pelancongan adalah salah satu industri terbesar dan sektor ekonomi yang tumbuh paling pesat di dunia serta memberikan kesan positif dan negatif terhadap kehidupan manusia serta persekitarannya (United Nations World Tourism Organization, 2004). Pelan ekopelancongan Negara Malaysia (PEPNM) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada tahun 1999 dihasilkan dengan berpandukan kepada 426 buah lokasi ekopelancongan sedia ada dan yang berpotensi untuk dimajukan iaitu 11 faktor diagnostik, 14 jenis tarikan dan 20 jenis aktiviti. Ini adalah peluang keemasan terbaik memandangkan Malaysia begitu kaya dengan sumber alam semula jadi yang mampu menjadi tarikan utama pelancong ke Negara ini (Mohamad Daud, 2003). Pelancongan lestari adalah salah satu komponen dalam pembangunan lestari yang diberikan tumpuan khusus di Malaysia. Menurut (Noresah 1997) pelancongan dan melancong membawa maksud yang berbeza. Pelancongan berasal dari perkataan lancong atau melancong yang membawa maksud melawat sambil melihat lihat. Seterusnya melancong juga mempunyai banyak tujuan. Antaranya ialah melancong untuk menghilangkan tekanan ketika bekerja, melancong untuk membawa keluarga bersiar siar, melancong untuk mencari pengalaman dan banyak lagi. Selain itu melancong bersama keluarga juga adalah aktiviti yang berfaedah kerana melancong ini akan dapat mengeratkan silaturrahim di antara sesama keluarga (Chamburi Siwar et al.,2011)

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Antara masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha pusat pelancongan ialah alam sekitar. Alam sekitar merujuk kepada unsur-unsur yang wujud dalam persekitaran manusia. Dalam konteks semasa, istilah ekologi turut dikaitkan dalam perbincangan berkaitan alam sekitar yang merujuk kepada interaksi sesama makhluk hidup dalam ekosistem semulajadi (Ahmad Dahlan 2019). Alam sekitar turut dirujuk sebagai alam semula jadi yang boleh dimanfaatkan oleh manusia untuk tujuan kediaman dan sebagainya. Menurut Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974), alam sekitar didefinisikan sebagai “unsur-unsur fizikal yang berada di sekeliling manusia seperti tanah, air, udara, iklim, tumbuhan, haiwan serta unsur-unsur biologi dan sosial yang saling bergantung antara satu sama lain” (Akta 127-Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Bahagian 1, Seksyen 1(Tafsiran). Alam sekitar dapat disimpulkan sebagai lingkungan kediaman manusia serta unsur-unsur yang wujud dalam persekitarannya yang memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan hidup manusia serta memenuhi keperluan mereka sama ada dalam aspek makanan, pakaian, tempat perlindungan dan medium interaksi antara satu sama lain (Naek Muhammad Salt.1992).Proses pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu direncanakan secara sistematik bagi menjamin kelangsungannya serta mengawal elemen-elemen luar yang boleh mendatangkan kemudaratan terhadap alam (Hazura dan Norhaidah.2007).

Aset semula jadi yang berasaskan alam sekitar atau budaya menjadi sebahagian prasyarat dalam memajukan sektor pelancongan. Apabila ia menjadi motif utama kunjungan pelancong ke sesebuah destinasi ini menunjukkan bahawa faktor ini berterusan menjadi penting dalam pelancongan. Aset semula jadi ini juga mendapat perhatian kerajaan dan penyelidik apabila kesedaran masyarakat global terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar dan warisan budaya mula meningkat. Pengurusan yang terancang dan menyeluruh haruslah dijalankan bagi memastikan pembangunan pelancongan dijalankan secara lestari (Habibah Ahmad et al. 2013).

Produk ekopelancongan adalah antara pelancongan yang menarik perhatian pelancong untuk datang ke Malaysia. Berdasarkan (Er Ah Choy et al. 2012), ekopelancongan adalah pelancongan yang memberi impak minimum serta menyumbang kepada pengkalan habitat dan spesies hidupan secara langsung dan tidak langsung termasuklah pengkalan kebudayaan masyarakat tempatan di samping dapat meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Pembangunan projek ekopelancongan dapat menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada komuniti setempat seperti mengusahakan perniagaan chalet, produk makanan tradisional, projek pertanian, perubatan berasaskan herba atau sebagai pemandu pelancong dan pengawal hutan. Walau bagaimanapun, penduduk setempat perlu memahami konsep ekopelancongan dan berusaha melibatkan diri dalam projek ekopelancongan kerana komuniti setempat bakal menerima kesan pembangunan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam konteks pelancongan bandar, isu yang sering menjadi tumpuan utama adalah faktor keselamatan pelancong yang

merangkumi isu jenayah dan keselamatan semasa berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan yang mereka minati. Menurut Ahmad Nazrin dan Zainab (2009), kejadian jenayah yang tinggi dan melibatkan pelancong memberikan kesan negatif kepada imej industri pelancongan yang terdapat di sesuatu lokasi. Manakala Shu dan Shih (2011) pula menyatakan bahawa jika anggaran risiko mangsa jenayah adalah tinggi, persepsi seseorang pelancong berpeluang menjadi mangsa jenayah juga tinggi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian yang dapat diketengahkan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian tersebut ialah :

1. Mengenalpasti kriteria pelancong di Jelevu, Negeri Sembilan.
2. Menilai ciri-ciri tarikan pelancongan lestari di kawasan Jelevu, Negeri Sembilan.
3. Mengenalpasti indikator dalam pembangunan pelancongan lestari di Jelevu, Negeri Sembilan.

## **SOROTAN KAJIAN**

Beberapa kajian lepas tentang pelancongan lestari telah dijalankan oleh beberapa tokoh dan pengkaji. (Fatimah Hassan dan Fauziah Che Leh 2007) telah membuat kajian mengenai elemen-elemen pelancongan lestari di kawasan FELDA Gugusan Trolak yang memiliki beberapa produk pelancongan sedia ada seperti Taman Rekreasi Air Panas Sungai Klah dan Dusun Trolak. Kajian ini turut mencadangkan beberapa langkah bagi merealisasikan pembangunan pelancongan perladangan lestari dalam usaha mempelbagaikan lagi konsep pelancongan negara serta membantu meningkatkan taraf hidup peneroka FELDA, keluarga dan generasi peneroka pada masa depan. Antara hasil kajian mendapati bahawa terdapat lebih kurang 10 elemen sumber jaya kawasan yang berpotensi sebagai produk pelancongan yang bermulti-konsep seperti untuk pelancongan pendidikan, pelancongan ekologi, pelancongan desa, pelancongan pertanian, pelancongan industri dan sebagainya. Walau bagaimanapun, beberapa langkah penambahbaikan seperti kemudahan infrastruktur, pembangunan pakej pelancongan, pemasaran dan promosi produk pelancongan adalah disarankan agar keuntungan yang diperolehi dapat ditingkatkan, diagihkan dan dinikmati bersama dengan komuniti setempat selain membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Hutan lipur ialah kawasan hutan yang terdapat di dalam Hutan Simpan Kekal yang boleh digunakan bagi tujuan beristirahat, menjalankan penyelidikan serta pendidikan dan memelihara flora dan fauna (Mohamad Khairi Mohamad et al., 2006). Kawasan ini mempunyai daya tarikan berbentuk sumber in-situ dan dapat dimanfaatkan secara positif. Sumber semula jadi atau buatan manusia serta ekosistem dan ekologi yang terdapat di kawasan ini adalah salah satu sumber rekreasi dan pelancongan yang penting serta berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan lestari bagi kawasan berkenaan. Di Malaysia, hutan lipur merupakan sejenis hutan yang dikategorikan oleh Jabatan Perhutanan dalam proses pengurusan silvikultur. Selain daripada hutan ini, terdapat lapan jenis hutan lain yang telah dikelaskan seperti hutan asal, hutan kawasan sudah kerja, hutan terpilih, ladang hutan, hutan simpan dara, hutan masyarakat, perhutanan bandar dan petak-petak penyelidikan hutan.

Hardy et al. (2010) meneliti tentang konsep dan kedudukan pelancongan dalam topik pelancongan lestari. Kajian mengenai pelancongan lestari kini telah dilakukan dalam dokumen rangka pelancongan yang strategik. Namun kebanyakan kajian lepas mengenai pelancongan lestari jarang membahaskan bagaimana perkembangan sejarah telah boleh menjejaskan konseptualisasi pelancongan. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneliti perkembangan konsep pelancongan lestari dan bagaimana ia diaplikasikan pada masa kini. Dalam kajian beliau, terdapat model yang menggabungkan pembangunan lestari ke dalam pendekatan pelancongan baru. Dalam industri pelancongan iaitu dari pengeluar kepada agensi kerajaan, banyak amalan pelancongan lestari telah disesuaikan dan dijalankan. Namun, sama ada ia telah menyumbang kepada perubahan yang signifikan atau ia masih boleh dipertikaikan membawa kepada pendapat bahawa perubahan yang dilakukan perlu melihat pada masa lampau untuk memperbaiki masalah lama berbanding membina lebih pembangunan pelancongan yang lestari. Kajian ini telah mengenal pasti konsep dan operasi pembangunan dalam konteks pelancongan lestari dengan mencadangkan konsep berfokus kepada isu alam sekitar dan ekonomi walaupun pada awal perkembangannya ia berfokus kepada kesejahteraan antara generasi.

Pelancong mempunyai persepsi yang tersendiri tentang pelancongan lestari. Persepsi pelancong adalah gambaran tentang pengalaman seseorang pelancong tentang sesebuah kawasan pelancongan yang dikunjungi. (Menurut Morisson 2002), persepsi seseorang pelancong secara umumnya melibatkan lima deria rasa, iaitu penglihatan, pendengaran, rasa, sentuh, dan bau bagi menilai hospitaliti dan perkhidmatan terhadap produk pelancongan yang ditawarkan. Frasa bahawa persepsi lebih daripada realiti menggambarkan kepelbagaian gelagat pelancong. Gambaran yang dilakar oleh seseorang pelancong tentang sesuatu pusat pelancongan dibuat berdasarkan persepsi dan pengalaman dirinya. Seringkali pengalaman yang menyeronokkan melahirkan persepsi yang melebihi realiti. Begitu jugalah sebaliknya apabila pelancong mengalami sesuatu yang tidak menyenangkan semasa melancong di sesuatu tempat, persepsi yang terbentuk lazimnya lebih buruk daripada realiti. Persepsi seseorang pelancong, walaupun bukan suatu pandangan yang boleh diterima tetapi berguna untuk memberi gambaran tentang kelebihan atau kekurangan sesebuah pusat pelancongan. Hal ini penting dalam usaha untuk memajukan sektor pelancongan negara seperti Malaysia.

Di Malaysia, pertumbuhan sektor pelancongan boleh dianggap perlahan. Pada awal tahun 1970, kegiatan yang berkaitan dengan sektor pelancongan diletakkan di bawah pengurusan Jabatan Pelancongan, Kementerian Perdagangan dan Industri. Pada masa itu, sumbangan sektor pelancongan adalah kecil dan kurang diberikan tumpuan. Pada 10 Ogos 1972, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) bagi mengembangkan lagi sektor pelancongan dan meningkatkan lagi sumbangannya kepada ekonomi negara. Semenjak penubuhannya, TDC telah berkembang pesat dan menjadi salah satu agensi utama yang mencorakkan keadaan sosioekonomi negara seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Hasil daripada kejayaan yang dicapai oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, maka pada 20 Mei 1987, sebuah kementerian baru ditubuhkan oleh kerajaan, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Secara langsung Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah dipindahkan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke Kementerian yang baru ini (Mohmadisa & Mohamad Suhaily, 2010).

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif yang boleh dirujuk sebagai kajian yang menggunakan statistik melibatkan bilangan responden yang banyak dengan sekurang-kurangnya melebihi 10 sampel dalam mengukur pembolehubah bagi sesuatu penyelidikan tersebut (Krejcie & Morgan, 1970).

Penggunaan kaedah penyelidikan kuantitatif di dalam kajian nilai yang terkandung didalam bidang ilmu Sains Sosial adalah merujuk kepada satu bentuk penyelidikan yang cenderung terhadap penggunaan teknik atau metodologi saintifik didalam pengkajian fenomena sosial. Dalam sejarah perkembangan sesetengah disiplin sains sosial seperti bidang sosiologi, ekonomi, dan politik terdapat suatu gerakan untuk membawa masuk kaedah pemikiran saintifik berasaskan sains tulen yang dikenali sebagai 'positivisme' ke dalam gagasan sains sosial. Kaedah positivisme ini menekankan kepada ketepatan bukti penyelidikan dengan menggunakan analisis numerikal. Penyelidikan eksperimental dan tinjauan adalah antara kaedah-kaedah yang banyak digunakan dalam aliran positivisme ini (Chua Yan Piaw 2006)

Dalam kajian ini, 100 orang responden yang terdiri daripada pelancong dan penduduk tetap di Jelebu, Negeri Sembilan dijadikan sampel kajian. Jadual (krijchie and morgan 1970) telah dijadikan panduan untuk mendapatkan jumlah responden yang tepat untuk tujuan kajian ini. Teknik persampelan yang digunakan adalah sampel rawak mudah. Jumlah unit yang dipilih secara rawak dan setiap unit mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Persampelan rawak mudah adalah Suatu proses pemilihan objek-objek penyelidikan yang mewakili sesuatu kumpulan besar yang dipilih (Noraini Idris, 2013).

## **KAWASAN KAJIAN**

Lokasi kajian yang telah dipilih ialah di sekitar Taman Eko-Rimba Jeram Toi yang merupakan pusat pelancongan yang terletak di daerah Jelebu Negeri Sembilan. Taman Eko-Rimba Jeram Toi Terletak di Hutan Simpan Berembun yang merupakan Hutan Dipterokarp Bukit. Sungai Toi yang mengalir melalui bongkah-bongkahan batu besar membentuk beberapa jeram dan kolam yang sesuai untuk pengunjung

bermandi-manda. Air terjun yang bertingkat-tingkat dan mengalir deras dari Gunung Telapak Buruk menjadi tarikan utama kepada pengunjung. Jeram Toi dikaitkan dengan penemuannya semasa pemerintahan British pada tahun 1895. Asalnya nama Jeram Toi diambil sempena nama Tok Batin Toi, seorang ketua puak Orang Asli yang merupakan seorang pemimpin yang bijaksana. Beliau berjaya mengalahkan kumpulan orang Rawa dari Sumatera yang menyerang Jelebu kerana mabuk memakan buah. Kemudahan yang telahpun ada disediakan di taman eko rimba Jeram Toi ini ialah tandas, surau, Tapak perkhemahan, wakaf, pejabat, gerai jualan, kolam mandi dan serta tempat letak kenderaan. Antara aktiviti aktiviti yang sering dilakukan oleh pelancong ataupun pelawat yang datang ke taman eko rimba jeram toi ini adalah aktiviti mendaki gunung telapak buruk, mendaki gunung berembun, berkelah dan berkhemah. Lokasi taman eko rimba ini ialah terletak 12 km dari pekan Kuala Klawang melalui jalanraya Kuala Klawang ke Seremban atau 28 km dari Bandar Seremban. Antara cara untuk kesana ialah untuk sampai ke taman eko-rimba ini pengunjung boleh menggunakan kenderaan sendiri atau pengangkutan awam seperti bas atau teksi dari Pekan Kuala Klawang (Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan 2020)

## HASIL KAJIAN

Jadual 1 Kategori responden

<b>Kategori responden</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Penduduk tempatan	24	24%
Penduduk harian	76	76%
Penduduk domestik	0	0%
Penduduk asing	0	0%

Berdasarkan Jadual 1 sebanyak 24% responden dari penduduk tempatan, 76% bagi responden dari penduduk harian, 0% dari penduduk domestik dan 0% juga bagi penduduk asing. Hal ini membuktikan bahawa penduduk harian merupakan kumpulan yang tertinggi datang ke kawasan Jelebu atas urusan harian seperti membeli barang dan berjumpa ahli keluarga.

Jadual 2 Umur responden

<b>Umur</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
20 tahun ke bawah	19	19%
21-30 tahun	42	42%
31-40 tahun	15	15%
41-50 tahun	20	20%
50 tahun ke atas	4	4%

Berdasarkan Jadual 2, sebanyak 19% responden yang berumur 20 tahun ke bawah. selain itu, sebanyak 42% peratus responden yang berumur 21-30 tahun. Seterusnya, sebanyak 15% responden yang berumur 31-40 tahun. Manakala 20% responden berumur 41-50 tahun dan sebanyak 4% responden yang berumur 50 tahun keatas

Jadual 3 Bangsa

<b>Bangsa</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Melayu	78	78%
Cina	0	0%
India	22	22%
Lain-lain	0	0%

Berdasarkan Jadual 3 didapati bahawa sebanyak 78% responden Melayu dan sebanyak 22% responden berbangsa India manakala bangsa Cina dan lain lain mencatatkan 0%. Hal ini membuktikan bahawa majoriti pelancong di kawasan Jelebu adalah terdiri daripada bangsa Melayu.

Jadual 4 Pekerjaan

<b>Pekerjaan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Sektor awam	10	10%
Sektor swasta	65	65%
Bekerja sendiri	5	5%
Berniaga	5	5%
Pesara	0	0%
Tidak bekerja	0	0%
Pelajar	15	15%
Suri rumah	0	0%

Berdasarkan Jadual 4 sebanyak 10% responden yang bekerja di sektor awam. Selain itu, sebanyak 65% responden yang bekerja di sektor swasta. Seterusnya, sebanyak 5% responden bekerja sendiri dan sebanyak 5% juga responden yang berniaga. Manakala sebanyak 15% responden adalah pelajar dan 0% bagi responden pesara, tidak bekerja dan suri rumah. Hal ini membuktikan bahawa majoriti pelancong di Jelebu terdiri daripada pekerja sektor swasta.

Jadual 5 Jantina

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	57	57%
Perempuan	43	43%

Jadual 5 menunjukkan bilangan jantina responden. Berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan secara keseluruhannya, sebanyak 57 orang (57%) pelajar lelaki dan sebanyak 43 orang pelajar perempuan (43%) yang telah menjawab borang soal selidik ini.

Jadual 6 Tahap Pendidikan

<b>Tahap pendidikan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
UPSR	0	0%
PMR/PT3	25	25%
SPM	45	45%
STPM	5	5%
Sijil	10	10%
Diploma	15	15%
Ijazah pertama	0	0%
Sarjana	0	0%
PhD	0	0%

Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan tahap pendidikan bagi responden. Dapatkan kajian menunjukkan sebanyak 25% responden bagi tahap pendidikan PMR/PT3. Seterusnya sebanyak 45% responden bagi tahap pendidikan SPM. Setelah itu, sebanyak 5% responden bagi tahap pendidikan stpm. Bagi tahap pendidikan sijil pula sebanyak 10% responden dan bagi tahap pendidikan diploma pula sebanyak 15%.

Jadual 7 Kekerapan melancong ke Jelebu dalam masa setahun

<b>Kekerapan melancong</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kurang dari sekali	11	11%
1-3 kali	29	29%
Lebih dari 3 kali	60	60%

Jadual 7 menunjukkan sebanyak 11% responden yang telah kurang dari sekali melancong ke Jelebu. Selain itu, sebanyak 29% responden yang telah 1-3 kali melancong ke Jelebu. Manakala, sebanyak 60% responden yang telah lebih dari 3 kali melancong ke Jelebu. Hal ini membuktikan bahawa Jelebu

berpotensi sebagai kawasan tarikan pelancongan kerana kekerapan peloncong ke Jelebu melebihi dari 3 kali dalam masa setahun.

Jadual 8 Ciri tarikan pelancongan

<b>Ciri tarikan pelancongan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Air terjun dan sungai	20	20%
Hutan simpan	2	2%
Tempat dan persekitaran menarik	25	25%
Aktiviti trek/hiking	28	28%
Melawat muzium adat	25	25%

Berdasarkan Jadual 8 terdapat sebanyak 20% responden memilih ciri tarikan pelancongan di Jelebu adalah air terjun dan sungai. Selain itu, sebanyak 2% responden memilih ciri tarikan pelancongan di Jelebu ialah hutan simpan. Seterusnya sebanyak 25% responden memilih ciri tarikan pelancongan di Jelebu ialah tempat dan persekitaran menarik dan juga melawati muzium adat. Manakala ciri tarikan tertinggi iaitu sebanyak 28% responden memilih ciri tarikan pelancongan di Jelebu ialah aktiviti trek atau hiking.

Jadual 9 Indikator pembangunan pelancongan lestari

<b>Pernyataan item</b>	<b>Ya</b>	<b>Peratus</b>	<b>Tidak</b>	<b>Peratus</b>
Taman rimba ini dijaga dan diselenggara dengan baik	100	100%	0	0%
Wujudnya tekanan pembangunan yang pesat disekitarnya(tekanan)	16	16%	84	84%
Pembangunan giat dijalankan di kawasan taman rimba ini (pembangunan intensif)	100	100%	0	0%
Pengurusan bahan buangan di taman rimba ini dilakukan secara sistematik	43	43%	57	57%
Ekosistem/persekitaran taman rimba ini mengalami kemusnahan.	39	39%	61	61%
Taman rimba ini memberikan manfaat kepada penduduk sekitarnya.	77	77%	13	13%
Pengunjung berpuas hati dengan keadaan dan kemudahan taman rimba ini.	100	100%	0	0%
Taman rimba ini menyumbang kepada ekonomi sejagat.	50	50%	50	50%
Pembangunan taman rimba ini dirancang dengan baik dan sistematik (proses perancangan)	70	70%	30	30%
Pembangunan di kawasan hutan lipur ini adalah terkawal (kawalan pembangunan)	8	8%	92	92%

Berdasarkan Jadual 9 sebanyak 100% responden memilih ya dan 0 % responden memilih tidak untuk Taman rimba ini dijaga dan diselenggara dengan baik . Selain itu, sebanyak 16% responden memilih ya dan 84% responden menanda tidak pada Wujudnya tekanan pembangunan yang pesat disekitarnya(tekanan). Seterusnya, sebanyak 100 responden tanda pada ya dan 0% tidak pada Pembangunan giat dijalankan di kawasan taman rimba ini (pembangunan intensif). Manakala, 43% responden tanda ya dan 57% tanda tidak pada Pengurusan bahan buangan di taman rimba ini dilakukan secara sistematik. Seterusnya, sebanyak 39% responden tanda pada ya dan 61% tidak pada Ekosistem/persekitaran taman rimba ini mengalami kemusnahan. Selain itu, sebanyak 77% responden menanda pada ya dan 17% pada tidak untuk Taman rimba ini memberikan manfaat kepada penduduk sekitarnya. Manakala, sebanyak 100% responden menanda pada ya dan 0% pada tidak untuk Pengunjung berpuas hati dengan keadaan dan kemudahan taman rimba ini. Dan, sebanyak 50% responden menanda pada ya dan 50% lagi pada tidak untuk Taman rimba ini menyumbang kepada

ekonomi sejagat. Selepas itu, sebanyak 70% responden menanda pada ya dan 30 % responden menandakan pada tidak untuk Pembangunan taman rimba ini dirancang dengan baik dan sistematik (proses perancangan). Akhir sekali, sebanyak 8% responden menandakan pada ya dan 92% menandakan pada tidak untuk Pembangunan di kawasan hutan lipur ini adalah terkawal (kawalan pembangunan).

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Skop dalam kajian yang dilakukan ini adalah kecil dan terhad iaitu melibatkan satu buah bandar kecil lama iaitu di Jelebu, Negeri Sembilan bagi melihat ikon pelancongan yang ada berteraskan ikon sejarah dan warisan atau berteraskan ikon moden. Oleh itu, pengkaji mengesyorkan kajian yang sama diaplikasikan di tempat yang lain. Skop kajian yang lebih besar membolehkan hasil kajian dapat mengenal pasti identiti tempat pelancongan bagi bandar-bandar kecil lama lain dapat ditentukan berdasarkan ikon ikon pelancongan tertentu. Kajian selanjutnya boleh diterokai untuk membangunkan model menentukan daya tarikan pelancong di kawasan pelancongan yang mempunyai daya tarikan yang terdiri daripada persekitaran yang berbeza. Ini membolehkan ujian hubungan antara permintaan dan keupayaan daripada segi bekalan daya tarikan dapat dikaji.

Dapatkan kajian turut mendapati indikator pembangunan secara terkawal mencatatkan skor peratusan yang rendah iaitu hanya 8 %. Oleh itu, kajian lanjutan berkenaan tahap pembangunan yang tidak terkawal di Daerah Jelebu turut boleh dijalankan bagi melihat aspek penerokaan alam sekitar yang tidak terkawal di kawasan berkenaan.

## **KESIMPULAN**

Aktiviti pelancongan lestari di daerah Jelebu mampu memberi sumbangan ekonomi kepada negara khususnya kerajaan Negeri Sembilan. Beberapa indikator pelancongan lestari yang telah dikenal pasti mampu untuk membantu dalam membentuk petunjuk indikator pelancongan lestari di Jelebu Negeri Sembilan.

## **BIODATA**

*Dr. Shawal Sahid Hamid @ Hussain* merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan kampus Seremban. Beliau merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Persekitaran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

## **RUJUKAN**

- Ahmad Dahlan Salleh. (2019). Konsep Penjagaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam. *Isu Syariah & Undang-undang Siri* 19.
- Ahmad Nazrin dan Zinab Khalifah. (2009). Kepentingan Program Bandar Selamat Sebagai Asas Keselamatan Industri Pelancongan di Bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, Volume.51, Mukasurat 123-137.
- Badarudin Mohamed. (2008). *Pelancongan Lestari*. Kuala Lumpur. Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamburi Siwar et al. (2011). Rancangan Pembangunan Malaysia: Menyingkap Isu Tukar-Ganti (Trade-Off) Antara Pertumbuhan Dan Kelestarian. Sumber: Universiti Sains Malaysia (12 Mei 2017).
- Chua Yan. Piaw. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Sumber: McGraw-Hill Education.
- Chung Lu Lim, (2009). *Jelebu Map and Botany of the Berembun Forest Reserve, Negeri Sembilan, Malaysia*. *Jurnal Malayan Nature*, Volume.61(2), Mukasurat 143-149.
- Er Ah Choy et al., (2012). *Ekopelancongan dan Analisis Sosioekonomi Komuniti Ulu Dong*. *Jurnal of Society and Space*, Volume.8(9), Mukasurat 46-52.



- Fatimah Hassan dan Fauziah Che Leh.(2007).Pembangunan Pelancongan Lestari di Felda Gugusan Trolak.Sumber: University Pendidikan Sultan Idris. Dunia Tanpa Sempadan(8-9 September 2007)
- Fatimah Yusof.,(2008).Bandar Berdaya Saing Vis-A-Vis Pembangunan Bandar Lestari: Suatu Wacana Tentang Pembangunan Bandar Di Malaysia. Jurnal of Society and Space,volume. 4(1), mukasurat 85-98.
- Habibah Ahmad .,(2012).Imej Pelancongan Pusat Pentadbiran Negara Berasaskan Perspektif Pelancong.Jurnal Akademika,Volume.82(3), Mukasurat 109-122.
- Hardy et al.,(2010). An overview of the concept and its position in relation to conceptualizations Tourism.Sumber: Sustainable Tourism, Volume 10,Issue6,2002, WorldWideWeb:<http://www.informaworld.com/smpp/>. (23 Ogos 2010).
- Hassan Naziri Khalid .,(2000).Sosioekonomi Penduduk Langkawi Selepas Menjadi Pelabuhan Bebas Cukai.Sumber Universiti Utara Malaysia.( 21-22 Ogos 2000).
- Hazura dan Norhaidah.(2007).Pemeliharaan Alam Tabii Bersumberkan Pengetahuan Islam.Jurnal Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syariah,Volume.7, Mukasurat 1
- Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.(2020).Taman Eko Rimba Jeram Toi
- Joni Tamkin Borhan.(2008).Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam.Jurnal Usuludin,Volume.27, Mukasurat 93-107.
- Jonathan Harris.(2000).Basic Principles Of Sustainable Development. Sumber: Universiti Sains Malaysia(12 Mei 2017).
- Krejcie dan Morgan (1970). Determining sample size for research activities. Jurnal:Educational and Psychological Measurement.Volume.30, Mukasurat 607-610.
- Ministry Of Tourism And Culture Malaysia.(2011).Malaysia Homestay Programme.Sumber:<http://www.motac.gov.my/en/faqs/144program-homestay-malaysia.html>.
- Mohamad Daud.(2003).Masa Hadapan Industri Pelancongan Negara. Sumber: World Wide Web: <http://mohamadsofee.blogspot.com>.( 1 April 2011).
- Mohmadisa Hashim dan Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah.(2010).Isu pembangunan pelancongan ekologi di Malaysia.Sumber: Pembangunan dan alam sekitar di Malaysia. Penerbit UPSI, Tanjung Malim.
- Mohamad Khairi Mohamed.(2006).Pelancongan dan Alam Semulajadi.Sumber: Universiti Utara Malaysia(70-76).
- Morrison AM.(2002).Health hospitality and travel marketing 3rd edition.Sumber DELMAR, United State.
- Noel Scott and Chris Cooper.(2010).Innovation Of Sustasinable Urban Tourism.Jurnal RAP Rio Janeiro,Volume.44, Mukasurat 5.
- Noresah Baharom.(1997).Definisi Pelancongan. Sumber: Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 756.
- Portal Rasmi Majlis Daerah Jelevu.(2020).Jumlah Penduduk Jelevu Pada Tahun 2020
- Shu dan Shiy.(2011).Study On Risk Perceptions of International Tourist In India.Jurnal of Bussiness Managemant,Volume.5(7), Mukasurat 2742-2752.
- United Nations World Tourism Organization.(2004).Definisi Pelancongan Mapan. Sumber: World Wide Web: <http://www.unep.fr/scp/tourism/sustain/>. ( 1 Oktober 2010 ).
- World Commision On Environment And Development.(1987).Our Common Future. Sumber: Oxford University Press.